

**PERANCANGAN STRATEGIK ORGANISASI  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
2008 - 2010**

---

Cetakan Pertama 2008  
Kementerian Kerja Raya

Hak Cipta Terpelihara.  
ISBN : 978-983-43395-7-9

Buku Perancangan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya 2008 - 2010

*Penasihat* : Dato' Dr. Abdul Munit bin Kasmin  
Puan Sri Zaiton binti Mhad Ali  
Dato' Haji Nasir bin Mat Dam  
*Editor* : Mohd Khalil Zaiyany bin Sumiran  
*Penolong* : Nor Hasmiza bt Zawawi

*Penyumbang:*  
Abdul Halim bin Muhamad Salleh  
Kamaruzaman Husen  
Che Ajid bin Che Ahmad  
Hamizam bin Abdula Zabidi  
Neil Arthur Edmonds  
Dirayah bt. Dollah

*Rujukan:*  
Dato' Ir. Dr. Azmi bin Hassan  
Hajah Wangi bt. Jusoh  
Zainudin bin Zakaria  
Embok bin Masek  
Mat Naain Mat Jusoh  
Mohd Sabri bin Yusoff  
Mat Yasin Junus  
Haji Mohd Jais Abd Kadir  
Haji Senin Yusof  
Tay Lee Ly  
Amin Jaya bin Mohd Din  
Jaswinder Singh  
Mat Yasin bin Junus

*Penerbitan:*  
Kementerian Kerja Raya Malaysia  
Bahagian Perancangan Dasar & Pengurusan Korporat  
Tingkat 5, Blok B, Kompleks Kerja Raya  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur

Tel : 603-27714553  
Faks : 603-27111590  
Laman web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)

# ISI KANDUNGAN

m/s

<i>Senarai Rajah</i> .....	
<i>Senarai Jadual</i> .....	
<i>Perutusan Y.B Menteri Kerja Raya</i> .....	
<i>Kata-kata Aluan dari Ketua Setiausaha</i> .....	
<i>Prakata</i> .....	

## 1. PENDAHULUAN

1.1. Tujuan.....	
1.2. Hala tuju Pembangunan Negara.....	

## 2. DASAR KORPORAT KKR

2.1. Sejarah Penubuhan KKR.....	
2.2. Visi.....	
2.3. Misi.....	
2.4. Objektif.....	
2.5. Dasar Kualiti.....	
2.6. Moto.....	
2.7. Nilai – nilai Teras.....	
2.8. Fungsi-fungsi Menteri Kerja Raya.....	
2.9. Fungsi KKR.....	
2.10. Perkhidmatan Teras KKR.....	
2.11. Kerangka Tugas Perancangan, Pelaksanaan dan Penyenggaraan Jalan Persekutuan yang Bersepadu.....	
2.12. <i>Stakeholders</i> KKR.....	
2.13. Organisasi KKR.....	
2.14. Fungsi-fungsi Bahagian KKR.....	
2.15. Piagam Pelanggan KKR.....	
2.16. Kekuatan Modal Insan KKR.....	

## 3. FASA 1 RMK9 (2006 – 2008)

3.1. Kejayaan.....	
3.2. Isu dan Masalah.....	

## 4. ASAS-ASAS PERANCANGAN STRATEGIK ORGANISASI

4.1. Prinsip asas perancangan.....	
4.2. Misi Nasional.....	
4.3. 6 Teras Komitmen Perkhidmatan Awam.....	
4.4. Sasaran Makro Pembangunan Jalan Persekutuan.....	

## 5. DASAR DAN STRATEGI PSO

5.1. Konsep penyediaan PSO.....	
---------------------------------	--

- 5.2. Dasar Pembangunan & Penyenggaraan Jalan Persekutuan.....
- 5.3. Strategi Teras Utama.....
- 5.4. Strategi Korporat.....
- 5.5. Strategi Sokongan Agensi KKR.....

**6. PELAKSANAAN PSO**

- 6.1. Tempoh Pelaksanaan PSO KKR.....
- 6.2. Jawatankuasa Pelaksana .....
- 6.3. Pelan Tindakan.....

**7. CABARAN DI FASA II RMK9**

- 7.1. Cabaran Utama.....
- 7.2. Sistem Pelaksanaan yang Berkesan.....
- 7.3. Budaya Boleh.....
- 7.4. Budaya Kerja Kelas Pertama.....
- 7.5. Pelaksanaan Pembinaan Bertaraf Dunia.....

**8. PENUTUP.....**

**9. SENARAI LAMPIRAN**

- 9.1. **SENARAI PROJEK JANGKA SIAP 2008 – 2010.....**
- 9.2. **SENARAI JALAN PERSEKUTUAN.....**
- 9.3. **SENARAI OBLIGASI SYARIKAT DAN KERAJAAN  
DI DALAM PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN.....**
- 9.4. **SENARAI KERJA-KERJA RUTIN PENYENGGARAAN  
JALAN PERSEKUTUAN.....**

**10. SENARAI TAKRIFAN.....**

**11. SENARAI RUJUKAN .....**

## SENARAI RAJAH

1. Perkembangan Organisasi Kementerian Kerja Raya (1951-2008).....
2. Kerangka Putaran Perkhidmatan Teras KKR.....
3. *Stakeholders* KKR.....
4. Carta Organisasi KKR.....
5. Peranan KKR dalam mencapai Misi Nasional.....
6. 6 Teras Komitmen Perkhidmatan Awam.....
7. Dasar Pembangunan dan Penyenggaraan Jalan Persekutuan.....
8. Hubung kait aktiviti utama KKR dan PSO agensi di bawahnya dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) KKR dan PSO bagi mencapai output yang diamanahkan.....
9. Perancangan Pelaksanaan PSO KKR 2008 – 2010.....
10. Keahlian Jawatankuasa Induk Tindakan PSO KKR.....
11. Jadual Pelan Tindakan PSO.....
12. Budaya Boleh di KKR.....
13. Budaya Kerja Kelas Pertama.....

## SENARAI JADUAL

1. KDNK Malaysia dari tahun 1990 – 2007.....
2. KDNK per kapita Malaysia dari tahun 1990 – 2007.....
3. Sektor yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia 2007.....
4. Status pengisian dan kekosongan jawatan di KKR.....
5. Pecahan pegawai/kakitangan mengikut kelulusan.....
6. Siling Peruntukan RMK9.....
7. Prestasi Pelaksanaan Projek KKR Tahun 2006 sehingga Mac 2008...
8. Prestasi perbelanjaan KKR Tahun 2006 sehingga Mac 2008.....
9. Kedudukan 10 teratas antara Kementerian Sistem *Star Rating* (SSR) MAMPU Tahun 2007.....



## PERUTUSAN Y.B. MENTERI KERJA RAYA

Dalam setiap organisasi perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan apa juga program yang dirancang dan dilaksanakan. Tanpa perancangan boleh diibaratkan kita bergerak tanpa hala tuju dan tiada matlamat. Oleh itu buku Perancangan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya (KKR) Tahun 2008-2010 ini disusun untuk panduan kepada kita semua dalam memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab KKR berada di landasan betul.

Selari dengan peranan penting yang dimainkan KKR dalam pembangunan negara, PSO ini merupakan falsafah kerja kita terutama dalam memastikan setiap pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) berjalan seperti yang dirancang dan memberi manfaat kepada setiap rakyat. RMK9 kini berada di fasa kedua, yang mana ia satu tempoh yang kritikal kepada KKR. Ia dianggap kritikal kerana ketika ini kita berhadapan dengan pelbagai cabaran yang kebanyakannya di luar kawalan. Pada tahun 2008 ini sahaja kita terpaksa menghadapi cabaran dan perubahan global seperti kenaikan harga minyak dan bahan binaan yang mana ia memberi kesan langsung kepada pembangunan negara. Untuk mengatasinya ia memerlukan komitmen dan kerja keras yang berterusan daripada warga KKR di samping melengkapkan diri bagi menangani perubahan-perubahan terbabit.

Untuk itu, bagi memastikan KKR masih terus relevan dalam memberikan khidmat kepada rakyat, dua ciri-ciri penting iaitu akauntabiliti dan responsibiliti perlu dibudayakan dalam organisasi. Jika dua ciri ini dapat difahami dan diamalkan oleh setiap daripada kita, saya yakin KKR bukan sahaja akan terus relevan, malah mampu menjadi contoh kepada kementerian-kementerian yang lain.

Selain itu prinsip 3E (Ekonomi, Efisien dan Efektif) juga mesti menjadi amalan supaya setiap sumber yang ada dimanfaatkan sepenuhnya supaya selari dengan kehendak pelanggan kita. Ia perlu dijadikan agenda nombor satu di KKR. Oleh itu penerbitan buku PSO KKR 2008-2010 tepat pada waktunya kerana ianya bukan sahaja untuk panduan semua warga Kerja Raya, malah dapat memberi maklumat tepat kepada semua *stakeholders* KKR mengenai peranan, fungsi dan tanggungjawab Kementerian ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada KKR yang telah berjaya menyiapkan buku ini.

Terima Kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohd Zin', written over a horizontal line.

**Dato' Ir. Mohd Zin b. Mohamed**  
Menteri Kerja Raya  
MALAYSIA  
2008



## KATA-KATA ALUAN DARI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, Buku Perancangan Strategik Organisasi (PSO) KKR 2008-2010 dapat diterbitkan. Buku PSO KKR ini merupakan dokumen rujukan utama KKR di dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai tugas-tugas teras KKR serta tanggungjawab yang dimainkan oleh khidmat sokongan. Buku ini merupakan kesinambungan daripada PSO KKR 2003 – 2008 yang telah diterbitkan sebelum ini dengan beberapa penambahbaikan hasil daripada Laporan Kajian Impak Pencapaian Pelaksanaan PSO KKR 2004 – 2008 yang telah disempurnakan pada bulan April 2008.

Buku PSO KKR 2008 – 2010 ini lebih fokus kepada tugas teras KKR iaitu perancangan dan pemantauan projek jalan Persekutuan, penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan yang diswastakan dan penglibatan kontraktor Bumiputera di dalam projek-projek Kerajaan. Manakala tugas-tugas teras Agensi KKR iaitu JKR, LLM, CIDB, PSDC, LJM, LAM dan LJBM adalah berdasarkan dokumen Pengurusan Strategik yang diterbitkan oleh Agensi masing-masing.

Tujuan utama penerbitan buku ini adalah untuk memberi panduan kepada semua 14 Bahagian di dalam KKR bahawa setiap fungsi dan tanggungjawab Bahagian-bahagian adalah berkait rapat antara satu sama lain. Bahagian Perancangan Dasar & Pengurusan Korporat berperanan untuk memastikan aktiviti teras KKR disokong dan dibantu oleh aktiviti sokongan melalui rangka kerja yang sistematik. Strategi-strategi yang telah dirangka pula adalah asas kepada keseluruhan proses kerja yang dilaksanakan oleh KKR. Oleh itu, saya yakin sekiranya setiap Bahagian menghayati dan memahami isi kandungan buku ini, Insya Allah KKR akan dapat menjadi sebuah Kementerian yang terunggul bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, saya mengarahkan supaya setiap Bahagian mengambil tindakan yang proaktif dengan **menyediakan Pelan Tindakan Tahunan** yang bersesuaian dengan strategi-strategi di dalam buku ini supaya apa yang telah dirancang dapat direalisasikan.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdul Munir bin Kasmin**  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya  
MALAYSIA  
2008

# PRAKATA

Kementerian Kerja Raya (KKR) merupakan salah satu Kementerian yang terpenting di Malaysia. Semenjak ditubuhkan pada 1 April 1951, KKR telah memainkan peranan yang utama di dalam mencorakkan pembangunan negara khususnya di dalam aspek pembinaan infrastruktur dan kemudahan awam. Tugas utama KKR semenjak ditubuhkan sehingga ke hari ini adalah untuk memastikan pembinaan infrastruktur terutamanya jaringan jalan raya di seluruh Malaysia dapat membantu meningkatkan ekonomi negara di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Sehingga penghujung tahun 2007, dianggarkan lebih dari 16,000 kilometer jalan Persekutuan telah dibina bagi memenuhi perkembangan sosio ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, KKR perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bukan sahaja di dalam membina jalan raya, tetapi perlu memastikan aspek perancangan, fasa pembinaan dan penyenggaraan diutamakan supaya aset terbesar negara ini dapat digunakan oleh rakyat pada tahap yang paling optimum.

Bagi memastikan keseluruhan warga Kerja Raya dan Agensinya menyedari betapa pentingnya peranan KKR di dalam pembangunan negara, satu rangka kerja yang strategik yang perlu disediakan agar setiap aspek yang terlibat di dalam proses kerja dapat difahami dan dijadikan panduan oleh keseluruhan organisasi. Pengurusan Strategik merupakan satu kaedah yang terbukti berkesan di dalam menyediakan hala tuju yang jelas bagi sesebuah organisasi. Pengurusan strategik ini dapat membantu keseluruhan organisasi mengenal pasti dan menyediakan visi, misi, kepentingan *stakeholders*, analisis persekitaran, dan strategi-strategi yang penting dalam memastikan dasar dan perancangan negara dapat diterjemahkan untuk kemudahan rakyat.

Buku Perancangan Strategik Organisasi KKR 2008 – 2010 ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan satu panduan yang khusus kepada warga Kerja Raya mengenai bidang tugas teras utama KKR pada hari ini dan peranan kepada perkembangan ekonomi secara makro. Perancangan dan pembinaan jalan raya merupakan tugas utama KKR semenjak 57 tahun ditubuhkan. Di samping itu juga, KKR berperanan di dalam memastikan perjanjian penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan yang diswastakan dipatuhi oleh syarikat konsesi. KKR juga berperanan di dalam memastikan kontraktor/pembekal/pemborong Bumiputera memainkan peranan yang aktif di dalam industri pembinaan negara.

Di samping itu juga, peranan Agensi-agensi di bawah KKR iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd. (PSDC), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) melaksanakan tugas-tugas teras mereka dengan berkesan melalui kerjasama yang strategik dengan KKR. KKR akan memastikan setiap permasalahan Agensi-agensinya diselesaikan. Adalah diharapkan Buku PSO KKR 2008 – 2010 ini dapat dijadikan rujukan oleh semua warga Kerja Raya di dalam menjalankan amanah yang telah diberikan.

## **Editor**

Bahagian Perancangan Dasar & Pengurusan Korporat  
Kementerian Kerja Raya



# 1. PENDAHULUAN

## 1.1. TUJUAN

- a. PERANCANGAN STRATEGIK ORGANISASI (PSO) KEMENTERIAN KERJA RAYA 2008-2010 disediakan untuk dijadikan sebagai:
  - i. dokumen untuk memusatkan pemikiran tenaga dan komitmen seluruh anggota KKR ke arah menjayakan visi dan misi KKR serta komitmen perkhidmatan awam;
  - ii. dokumen untuk menyatukan segala strategi yang dirancang dapat diselaraskan dan dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu untuk mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
  - iii. dokumen ini menjadi rujukan kepada KKR memantau PSO agensi di bawah kementeriannya.
- b. Skop Perancangan Strategik Organisasi ialah untuk:
  - i. merealisasikan perancangan Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga Malaysia (RRJP 3) 2001 – 2010 dari aspek pembangunan rangkaian lebuhraya/jalan raya;
  - ii. memastikan kejayaan pelaksanaan Fasa Kedua Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) sepertimana yang dicapai di dalam Fasa I RMK9;
  - iii. menjadi asas penyediaan kepada perancangan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10);
  - iv. memastikan fungsi-fungsi Menteri<sup>1</sup> berdasarkan Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2] Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2008 dapat direalisasikan; dan
  - v. menyemak visi PSO sedia ada dan dijadikan asas penyediaan PSO kini dan memastikan selaras dengan fungsi dasar Negara dan Komitmen Perkhidmatan Awam.

---

<sup>1</sup> Butiran terperinci mengenai fungsi-fungsi Menteri adalah seperti yang terkandung di dalam **Buku Bidang Kuasa Menteri dan Pegawai Pengawal Kementerian Kerja Raya Tahun 2008**.

## 1.2. HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGARA

- a. Strategi ekonomi makro yang telah digariskan di dalam RMK9 ditumpukan kepada usaha mengekalkan kestabilan ekonomi makro untuk mengukuhkan ekonomi pada tahap pertumbuhan yang mampan bagi mencapai matlamat pengagihan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.
- b. Tujuannya adalah untuk memperkukuhkan lagi asas ekonomi bagi menangani risiko secara lebih berkesan dan memaksimumkan peluang daripada proses globalisasi dan liberalisasi yang pesat berkembang, menghapuskan ketidakseimbangan serta meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi.
- c. Walau bagaimanapun, permasalahan ekonomi negara perlu ditangani dengan segera sekiranya Malaysia ingin mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Menjelang tahun 2020, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia disasarkan berjumlah **RM847 bilion**<sup>2</sup> manakala pendapatan per kapita disasarkan pada **RM21,660.90**<sup>3</sup>.
- d. Bagi mencapai hasrat ini, dan berdasarkan kepada pencapaian KDNK tahun 2007, **ekonomi negara perlu berkembang pada paras melebihi 7% setahun.**

Tahun	RM   Bilion	%
1990	105.976	9.0%
1991	116.094	9.5%
1992	126.410	8.9%
1993	138.915	9.9%
1994	151.714	9.2%
1995	166.625	9.8%
1996	183.292	10.0%
1997	196.714	7.3%
1998	182.237	-7.4%
1999	193.420	6.1%
2000	210.558	8.9%
2001	211.227	0.3%
2002	219.989	4.1%
2003	231.673	5.3%
2004	248.041	7.1%
2005	262.923	5.9%
2006	279.220	6.0%
2007	294.373	6.0%
<b>2020</b>	<b>847.808??</b>	<b>&gt;7.0%</b>

Jadual 1 : KDNK Malaysia dari tahun 1990 - 2007

<sup>2</sup> 8 kali KDNK berbanding tahun 1990

<sup>3</sup> 4 kali KDNK per kapita berbanding 1990

Tahun	KDNK per kapita RM	%
1990	5854.3	4.5%
1991	6334.4	8.2%
1992	6737.5	6.4%
1993	7100.7	5.4%
1994	7543.6	6.2%
1995	8053.7	6.8%
1996	8658.5	7.5%
1997	9079.6	4.9%
1998	8216.5	-9.5%
1999	8516.2	3.6%
2000	8961.9	5.2%
2001	8796.4	-1.8%
2002	8969.4	2.0%
2003	9269.7	3.3%
2004	9739.6	5.1%
2005	10131.4	4.0%
2006	10579.7	4.4%
2007	11108.6	4.5%
<b>2020</b>	<b>21660.9??</b>	<b>&gt;10.0%</b>

Jadual 2 : KDNK per kapita Malaysia dari tahun 1990 - 2007

- e. Sehingga sekarang, ekonomi Malaysia masih berada di dalam kumpulan *Upper Middle Income Trap* (UMIT)<sup>4</sup>. Faktor utama yang menyebabkan ekonomi negara tidak berkembang adalah kerana sebahagian besar daripada pelaburan asing dan swasta yang menjana ekonomi negara sebelum krisis ekonomi tahun 1997 telah berkurangan antara tahun 1998 - 2001.
- f. Namun antara tahun 2002 – 2006, pelaburan asing dan swasta telah meningkat sedikit demi sedikit walaupun wujud kebimbangan di peringkat global mengenai kenaikan harga minyak dan barang mentah. Pada tahun 2006, sebanyak USD6 bilion pelaburan asing telah dicatatkan di Malaysia.
- g. Nilai ini masih rendah jika dibandingkan dengan Singapura sebanyak USD24 bilion dan Thailand sebanyak USD9.8 bilion bagi tahun yang sama. Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2007 disumbangkan oleh 4 sumber berikut iaitu:

BIL	SUMBER	%
1.	Perbelanjaan Swasta (Private Consumption)	45.9
2.	<b>Pelaburan Swasta (Private Investment)</b>	<b>10.9</b>
3.	Perbelanjaan Kerajaan (Government Expenditure)	23.5
4.	Eksport Bersih (Net Exports)	19.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

Jadual 3 : Sektor yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia 2007

\*sumber : Unit Perancang Ekonomi


<sup>4</sup> Ekonomi Negara-negara yang berada di dalam UMIT adalah ekonomi Negara yang tiada momentum untuk melonjak ke kumpulan *Upper Middle Income*.

- h. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap sumbangan perbelanjaan negara kepada ekonomi perlu dikurangkan sekiranya Malaysia ingin mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang sihat.
- i. Sebelum krisis mata wang tahun 1997 melanda negara ini, **sumbangan pelaburan swasta kepada ekonomi adalah sebanyak 20.2% berbanding 10.9% pada tahun 2007.**
- j. Kepelbagaian di dalam ekonomi amat penting bagi memastikan sindrom ekonomi “tidak bergerak (statik)” tidak berlaku. Ini dapat dilakukan dengan mengatasi kelemahan dan seterusnya meningkat kecekapan di dalam pengurusan sumber, dan pentadbiran.
- k. Bagi menggalakkan semula pelaburan swasta di negara ini, **KKR perlu menjadi penggerak kepada pembinaan kemudahan infrastruktur terutamanya jalan raya/lebuhraya dibina dan diselenggarakan pada tahap kualiti yang terbaik.**
- l. KKR juga perlu memastikan rangkaian jalan raya yang menghubungkan antara pelabuhan, lapangan terbang, bandar-bandar perindustrian, koridor-koridor pembangunan wilayah, kawasan pertanian dan perladangan diintegrasikan di antara satu sama lain.

## 2. DASAR KORPORAT KKR

### 2.1. SEJARAH PENUBUHAN KKR

- a. Pada tahun 1954, Kerajaan Inggeris telah mengambil langkah memisahkan pentadbiran Tanah Melayu (Malaya) daripada pentadbirannya yang berpusat di Singapura.
- b. Ini merupakan detik permulaan jabatan-jabatan kerajaan di Tanah Melayu dibenarkan melaksana polisi dan program masing-masing. Dalam tahun 1956, Ketua Menteri dan beberapa orang Menteri telah dilantik mengetuai Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.
- c. Pada tahun yang sama, beberapa kementerian telah diwujudkan termasuklah Kementerian Kerja Raya dengan nama asalnya Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom. Y.B. Encik Sardon bin Haji Jubir adalah Menteri pertama yang mengetuai Kementerian ini.
- d. Fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya telah dikekalkan dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian ini. Pada tahun 1975, Kementerian ini telah disusun semula dan dinamakan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan.
- e. Perkembangan pesat pembangunan dan sosioekonomi negara dalam tahun 1970an telah menyebabkan fungsi dan peranan Kementerian ini bertambah.
- f. Sesuai dengan peranan tersebut, pada tahun 1978 sekali lagi nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam.
- g. Walau bagaimanapun selari dengan pengkhususan tanggungjawab, pada tahun 1980an Kerajaan telah mengambil keputusan menamakan Kementerian dengan nama Kementerian Kerja Raya Malaysia dan nama itu kekal sehinggalah sekarang.
- h. Sejarah ringkas kepimpinan tertinggi KKR sejak penubuhannya pada 1 April 1951 sehingga tahun 2008 adalah seperti di **Rajah 1**.



## 2.2. VISI

- a. Menjadi organisasi terbilang dalam pembangunan infrastruktur khususnya Jalan Persekutuan dan membantu agensinya untuk menjadikan industri pembinaan dan perkhidmatan profesional bertaraf dunia.

## 2.3. MISI

- a. Memastikan pembangunan infrastruktur khususnya Jalan Persekutuan dirancang, dilaksana dan disenggarakan dengan cekap dan berkualiti tinggi serta memberi nasihat dan khidmat sokongan kepada agensinya dalam membangunkan industri pembinaan dan perkhidmatan profesional.

## 2.4. OBJEKTIF

- a. Menyediakan kemudahan Jalan Persekutuan yang boleh menjana ekonomi negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat;
- b. Memastikan agensinya membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara supaya boleh bersaing di pasaran global;
- c. Memastikan agensinya memantapkan golongan profesional dan guna tenaga mahir bagi merebut peluang kerja di dalam dan luar negara; dan
- d. Memastikan agensinya melaksanakan serta menyiapkan projek Kementerian Pelanggan mengikut masa, kos dan spesifikasi yang ditetapkan dengan berkualiti tinggi.

## 2.5. DASAR KUALITI

- a. **KEMENTERIAN KERJA RAYA** adalah komited untuk membina dan menyelenggara rangkaian jalan raya negara dengan cekap dan berkesan bagi mewujudkan keselesaan pengguna dan seterusnya menjana pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat tersebut, KKR akan:
  - i. memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang diwujudkan selaras dengan keperluan-keperluan MS ISO 9001:2000;
  - ii. mengenal pasti kelemahan dalam organisasi dan melaksanakan penambahbaikan berterusan SPK yang melibatkan penyertaan penuh kakitangan dan membolehkan kecekapan tugas melalui penggunaan ICT; dan
  - iii. memastikan keperluan sumber dan infrastruktur di KKR mencukupi bagi melaksanakan SPK.

- b. Dasar Kualiti ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan supaya sentiasa sesuai dan berkesan.

## 2.6. MOTO

*“ KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT ”*

## 2.7. NILAI-NILAI TERAS

Organisasi KKR di dokong oleh 2 nilai teras utama dan 3 nilai teras sokongan iaitu:

### a. NILAI TERAS UTAMA

- i. **Tanggungjawab** – setiap warga KKR perlu memikul kewajiban dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh integriti. Ini merupakan sifat paling asas kerana setiap pegawai dan kakitangan telah diberi tanggungjawab mengikut bidang tugas masing-masing.
- ii. **Akauntabiliti** – setiap warga KKR bukan sahaja bertanggungjawab, malah perlu ada akauntabiliti dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan. Setiap warga KKR perlu bersedia mengambil risiko, memberikan penjelasan dan menyediakan justifikasi terhadap apa-apa jua tindakan yang telah diambil.

### b. NILAI TERAS SOKONGAN

- i. **Efisien** – setiap warga KKR perlu menjalankan tugas dengan cekap bagi mengurangkan pembaziran di dalam sumber kewangan, peralatan, masa dan modal insan.
- ii. **Efektif** – setiap warga KKR perlu memastikan setiap tugas menepati *output* yang telah dirancang dengan berkesan dan dapat memberi impak kepada kumpulan sasaran.
- iii. **Ekonomik** – setiap warga KKR perlu menjalankan tugas dengan sumber yang terhad dan semakin berkurangan tanpa menjejaskan kualiti dan standard.



## 2.8. FUNGSI-FUNGSI MENTERI KERJA RAYA

- a. Fungsi KKR adalah melaksanakan fungsi-fungsi Menteri Kerja Raya yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda yang diterbitkan pada tahun 2008. Fungsi-fungsi Menteri Kerja Raya berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab terhadap kementerian ini adalah seperti berikut:
- i. Merancang dan menyelaraskan projek-projek infrastruktur Negara;
  - ii. Melaksanakan dan memantau projek-projek pembangunan infrastruktur;
  - iii. Menyelaraskan dan memantau jabatan dan semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya;
  - iv. Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada agensi-agensi Kerajaan;
  - v. Mengawal selia lebuhraya yang diswastakan;
  - vi. Mengembangkan industri pembinaan;
  - vii. Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam industri pembinaan.

## 2.9. FUNGSI KKR

- a. Setelah menilai fungsi-fungsi Menteri seperti yang diwartakan dan janji Penjawat Awam 2008, fungsi KKR secara terperinci adalah seperti berikut:
- i. merancang pembangunan rangkaian jalan Persekutuan di seluruh negara;
  - ii. menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan KKR;
  - iii. mengawal selia kerja penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan seluruh negara yang diswastakan;
  - iv. pembangunan usahawan Bumiputera di dalam sektor pembinaan;
  - v. memantau pembinaan, operasi, pengendalian tol dan penyenggaraan lebuhraya bertol;
  - vi. merancang dan menyelaraskan urusan sumber manusia dan kewangan (mengurus dan pembangunan) KKR dan JKR;
  - vii. memantau jabatan dan agensi di bawah kawalannya;
  - viii. memantau pelaksanaan projek pembangunan Kementerian Pelanggan yang dilaksanakan oleh JKR;
  - ix. memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada CIDB di dalam pembangunan industri pembinaan negara dan tenaga kerja mahir; dan
  - x. memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada PSDC, LJM, LAM dan LJBM di dalam program pembangunan tenaga kerja profesional bagi pasaran dalam dan luar negara.

## 2.10. PERKHIDMATAN TERAS KKR

Berdasarkan daripada fungsi-fungsi Menteri dan fungsi KKR secara keseluruhan, perkhidmatan teras KKR dikategorikan kepada **tiga (3) komponen** seperti berikut:

- a. pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur khususnya Jalan Persekutuan;
- b. penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan yang diswastakan; dan
- c. penyertaan usahawan Bumiputera di dalam industri pembinaan

### i. **PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KHUSUSNYA JALAN PERSEKUTUAN**

#### **A1 KAJIAN DAN PERANCANGAN PEMBINAAN JALAN PERSEKUTUAN**

Kajian dan penyelidikan jalan yang dijalankan oleh KKR adalah bertujuan untuk pembinaan jalan-jalan baru atau penambahbaikan jalan yang sedia ada. Tujuan utama kajian ini adalah bagi memastikan rangkaian/sistem jalan raya yang wujud di seluruh negara sentiasa efisien, selesa, selamat digunakan dan seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kajian dan penyelidikan bagi pembinaan jalan-jalan ini adalah dipertanggungjawabkan kepada **Bahagian Perancang Jalan (BPJ)**.

#### **A2 PEMANTAUAN PEMBINAAN PROJEK JALAN PERSEKUTUAN**

**Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan (BPP)** bertanggungjawab mengurus, **mengendalikan dan memantau peruntukan projek-projek pembangunan** KKR yang meliputi jalan, jambatan, lebuh raya dan bangunan-bangunan agensi Kerajaan.

Bagi memastikan projek-projek yang dirancang dapat disiapkan dengan sempurna dan mengikut jadual yang ditetapkan, KKR sentiasa membuat pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan projek-projek.

Cara-cara **pemantauan** yang dibuat adalah menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan, pemantauan melalui Sistem Pemantauan Projek 2 (SPP 2), *Geographical Information System (GIS)* dan lawatan ke tapak projek.

ii. **PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN YANG DISWASTAKAN**

Mulai tahun 1998 Kerajaan telah memutuskan untuk menyerahkan kerja-kerja penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan kepada syarikat konsesi. Penswastaan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan kepada syarikat konsesi dibahagikan mengikut lokasi Bangunan Persekutuan; Zon Utara dan Sabah, Zon Selatan dan Sarawak dan Zon Timur, (Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan bagi Zon Tengah belum diswastakan).


Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan melibatkan jalan melebihi 16,000 km dan mula berkuat kuasa pada tahun 2001. **Bahagian Kawalselia Penyenggaraan (BKS)** diberi tanggungjawab mengawal selia kedua-dua program penswastaan ini.

iii. **PENYERTAAN USAHAWAN BUMIPUTERA DI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

Bagi melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, **Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPB)** dipertanggungjawab untuk merangka dan menjalankan pendaftaran usahawan binaan Bumiputera, merangka dasar berkaitan yang bersesuaian untuk pembangunan usahawan Bumiputera, memberi bimbingan dan khidmat nasihat, menyalurkan bantuan wang pendahuluan melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor-Kontraktor (SKWAK), mewujudkan rangkaian niaga vendor/pembekal industri binaan bumiputera dan memantau prestasi kerja Usahawan Binaan Bumiputera.

**2.11. KERANGKA TUGAS PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN YANG BERSEPADU**

- a. Kerangka putaran perkhidmatan teras KKR dapat ditunjukkan dengan jelas seperti di Rajah 1. Rajah 1 membahagikan proses kerangka kepada 13 komponen seperti berikut:
- i. Perancangan Strategik Rangkaian Jalan
  - ii. Kajian Semula Rancangan Pembangunan untuk Rancangan
  - iii. Kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
  - iv. Pra-Bajet;
  - v. Kelulusan Bajet;
  - vi. Penyerahan Projek kepada Jabatan Teknikal untuk Pelaksanaan;
  - vii. Penyediaan *Need of Statement*;
  - viii. Tatacara Perolehan;
  - ix. Pembinaan
  - x. Pemantauan
  - xi. Projek Siap
  - xii. Penyenggaraan Jalan dan Inventori
  - xiii. Penilaian dan Kajian *Outcome*




PROSES BAHAGIAN/AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB	
1, 2, 4, 13	Bahagian Perancang Jalan (BPJ)
3, 4, 5, 6, 10	Bahagian Pembangunan & Penswastaaan (BPP)
12	Bahagian Kawalselia Penyelenggaraan (BKS)
4, 8	Bahagian Kewangan (BK) dan JKR
10, 13	Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPP)
7, 9, 10	Jabatan Kerja Raya (JKR)

Rajah 2 : KERANGKA PUTARAN PERKHIDMATAN TERAS KKR

## 2.12. STAKEHOLDERS KKR

- a. Kepentingan *stakeholders* hendaklah diberi pertimbangan yang saksama dan sewajarnya. KKR telah mengenal pasti *stakeholders* dalam konteks organisasi KKR. *Stakeholders* yang dimaksudkan ini merangkumi **Stakeholders Luaran** yang terdiri dari pihak perantaraan (*intermediate beneficiaries*) dan pelanggan langsung. **Stakeholders dalaman** terdiri daripada pemimpin dan pegawai yang diamanahkan untuk melaksanakan sistem penyampaian awam.<sup>5</sup>




Rajah 3 : Stakeholders KKR

- b. Dalam konteks tugas teras KKR, pengguna jalan raya Persekutuan adalah *stakeholders* utama KKR.

<sup>5</sup> takrifan mengenai stakeholders merujuk kepada surat arahan KSN mengenai pelaksanaan Tadbir Urus Terbaik bertarikh 9 Mac 2007

### 2.13. STRUKTUR ORGANISASI KKR



Rajah 4 : Struktur Organisasi KKR

## **2.14. FUNGSI BAHAGIAN KKR**

### **PEJABAT KETUA SETIAUSAHA**

#### **a. Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU)**

- i. Memberi nasihat perundangan secara bertulis atau lisan mengenai undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya dan undang-undang lain yang berkaitan dengan permasalahan yang dikemukakan;
- ii. Menggubal dan menyemak pelbagai dokumen perundangan seperti perjanjian, kontrak, memorandum persefahaman dan sebagainya;
- iii. Menggubal dan menyemak Perundangan Utama dan undang-undang subsidiari yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di bawah Kementerian; dan
- iv. Menjalankan kes-kes guaman sivil bagi pihak Kerajaan Malaysia yang melibatkan Kementerian Kerja Raya serta Jabatan di bawahnya.

#### **b. Bahagian Audit Dalam (BAuD)**

- i. Membuat penilaian yang bebas terhadap operasi dan rekod di sesebuah bahagian/ cawangan di Kementerian/ Jabatan Kerja Raya;
- ii. Memastikan dasar, undang-undang dan peraturan kerajaan sentiasa dipatuhi;
- iii. Memastikan tidak berlaku kehilangan dan kerugian terhadap semua aset dan inventori kerajaan.
- iv. Memastikan sumber-sumber digunakan dengan cara yang ekonomik dan berkesan; dan
- v. Memastikan kesempurnaan rekod sistem maklumat perakaunan.

#### **c. Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTM)**

- i. Pembangunan dan pelaksanaan sistem maklumat;
- ii. Pembangunan dan pelaksanaan portal;
- iii. operasi dan keselamatan rangkaian;
- iv. Pengurusan pangkalan data *Geographical Information System* (GIS) dan membantu Bahagian/Agensi tertentu membangunkan Program GIS masing-masing; dan
- v. Pembangunan sistem komunikasi KKR.



## SEKTOR PEMBANGUNAN

### d. Bahagian Pembangunan & Penswastaan (BPP)

#### PEMBANGUNAN

- i. Pelan Tindakan Pelaksanaan Rancangan Lima Tahun KKR;
- ii. Penyediaan bajet pembangunan tahunan;
- iii. Memantau perbelanjaan bulanan oleh agensi pelaksana;
- iv. Memantau pengurusan trafik projek pembangunan;
- v. Memantau penyelesaian perpindahan utiliti;
- vi. Memantau Pengurusan Kontrak Pelaksanaan Projek;
- vii. Memantau proses penyerahan projek kepada KKR;
- viii. Menyenaraikan projek telah siap untuk disenggara oleh BKS;
- ix. Memantau proses penutupan akaun projek;
- x. Memantau pengurusan pengambilan balik tanah;
- xi. Pemantauan pelaksanaan projek-projek KKR;
- xii. Pengurusan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II);
- xiii. Penyediaan Memorandum dan Nota Jemaah Menteri;
- xiv. Penyediaan maklum balas dan Jawapan Mesyuarat Jemaah Menteri;

#### PENSWASTAAN

- xv. Memantau pelaksanaan PSO LLM;
- xvi. Memantau obligasi LLM menentukan kadar tol dan operasinya;
- xvii. Memantau pembangunan projek lebuh raya dari segi prestasi fizikal, kewangan dan pengurusan trafik;
- xviii. Memantau permulaan pembangunan di pinggir lebuh raya;

#### JKR

- xix. Memantau pelaksanaan PSO JKR;
- xx. Memantau dan membantu JKR dalam melaksanakan projek-projek Kementerian Pelanggan; dan

#### PENTADBIRAN

- xxi. Urus setia mesyuarat seperti berikut:
- xxii. Mesyuarat Pos-Kabinet
- xxiii. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
- xxiv. Permohonan Pembangunan Di Tepi Lebuh raya dan Paparan Iklan
- xxv. Jawatankuasa Khas Pelaksanaan Projek
- xxvi. Penyediaan Jawapan Bagi Persoalan Dari Parlimen Mengenai Projek Pembangunan KKR

**e. Bahagian Perancang Jalan (BPJ)**

- i. Merangka dasar rangkaian lebuhraya/jalan raya Kebangsaan yang cekap, ekonomi dan selamat yang boleh menjana pembangunan sosio ekonomi negara;
- ii. Menyedia Rancangan Lima Tahun (RLT) KKR;
- iii. Menjalankan kajian kemungkinan bagi menentukan daya maju projek jalan yang dicadangkan dari segi teknikal dan ekonomi;
- iv. Memantau perancangan projek baru lebuhraya dan membuat unjuran trafik bagi projek-projek penswastaan berkenaan;
- v. Menjalankan bancian dan kajian lalu lintas bagi mengumpul maklumat mengenai ciri-ciri operasi perjalanan serta lain-lain maklumat untuk tujuan perancangan jalan;
- vi. Menyelaras aktiviti perancangan jalan raya dengan perancangan guna tanah bagi sesuatu kawasan agar perancangan dapat dijalankan secara bersepadu;
- vii. Mengkaji keupayaan sistem rangkaian jalan raya bagi menampung permintaan trafik semasa dan akan datang, mengenal pasti keperluan menyeluruh sektor pengangkutan jalan raya dan merangka program pelaksanaan jangka pendek dan panjang;
- viii. Mengumpul dan menganalisis data kemalangan untuk mengenalpasti kawasan yang sering berlaku kemalangan dan mengesyorkan konsep langkah pembaikan;
- ix. Menjalankan kajian Kesan Alam Sekitar bagi projek jalan raya yang dirancang;
- x. Menjalankan kajian Impak Sosial dan *outcome* bagi projek jalan raya yang telah atau belum dibangunkan; dan
- xi. Menetapkan halatuju Sistem Pengangkutan Pintar di negara ini serta merancang dan memantau pelaksanaan sistem tersebut.

**f. Bahagian Kawalselia Penyenggaraan (BKS)****Penyenggaraan Jalan Persekutuan**

- i. Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan penyenggaraan Jalan Persekutuan berpandukan perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan;
- ii. Mengemaskini, mengumpul dan mengawal pemetaan jalan Persekutuan dan mengemas kini dari masa ke semasa mengenai laluan, nombor laluan dan tiang km (*km post*);
- iii. Memantau kerja penyenggaraan jalan Persekutuan dalam tempoh kecacatan;

- iv. Pewartaan *Right of Way* (ROW) jalan Persekutuan mengikut Seksyen 62, Kanun Tanah Negara;
- v. Mengemas kini papan tanda di semua Jalan Persekutuan; dan

#### **Bangunan Gunasama Persekutuan**

- vi. Merancang, melaksana dan memantau penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan berpandukan Perjanjian Penswastaan Bangunan Gunasama;
- vii. Merancang, melaksana dan memantau penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di Zon Tengah yang belum diswastakan sepenuhnya; dan
- viii. Memantau penggunaan KPI bagi menyelenggara Bangunan Gunasama Persekutuan;

#### **g. Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPB)**

- i. Memantau pembangunan/perkembangan kontraktor binaan bumiputera yang melibatkan KKR dan agensinya;
- ii. Perlaksanaan Program Padanan (Matchmaking) Usahawan Industri Binaan (UIB) Bumiputera;
- iii. Perlaksanaan Program Kajian Ketirisan Dalam Perlaksanaan Projek-projek KKR, JKR dan Kementerian Pelanggan;
- iv. Perlaksanaan Program Permuafakatan Usahawan Industri Binaan (UIB) Bumiputera;
- v. Perlaksanaan Program Khidmat Bantuan kepada kontraktor;
- vi. Perlaksanaan Program Latihan dan Seminar Usahawan Industri Binaan; dan
- vii. Memantau pengagihan 10% kontrak kerja kepada Kontraktor Kelas F bagi projek yang diselia oleh JKR;

#### **h. Bahagian Pemantauan Agensi & Kemahiran (BPAK)**

- i. Menguruskan hal-ehwal perundangan dan pengurusan tertinggi Agensi;
- ii. Memantau dan membantu penyediaan PSO Agensi dan pelaksanaannya;
- iii. Memantau dan membantu CIDB;
- iv. Membangun dan mengembangkan industri pembinaan Negara;
- v. Menguji, menggalak dan menyelidik teknologi bangunan dan kemahiran dalam industri binaan;
- vi. Memantau proses akreditasi, pendaftaran kontraktor dan pekerja mahir;
- vii. Membangunkan maklumat berkaitan industri binaan yang

- menjadi tumpuan 'industrialist';
- viii. Merangka dan melaksana pelan latihan pembangunan kemahiran;
- ix. Membantu PSDC membangunkan pangkalan data perkhidmatan profesional dan meningkatkan tahap kemahiran golongan profesional ini;
- x. Memantau dan membantu Lembaga Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan membangunkan pangkalan data dan mempromosikan aktivitinya; dan
- xi. Menyelaras perancangan dan pengendalian Pertandingan Kemahiran Malaysia, ASEAN Skill Competition dan World Skill Competition di kalangan agensi awam dan swasta.

## **SEKTOR OPERASI**

### **i. Bahagian Perancangan Dasar & Pengurusan Korporat (BPPK)**

- i. Penyediaan, perancangan dan pemantauan perancangan strategik organisasi (PSO) KKR;
- ii. Hal ehwal pengurusan korporat;
- iii. Menyedia, menyemak dan menyelaras urusan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri;
- iv. Menyedia, menyemak dan menyelaras memorandum dan nota Menteri Kerja Raya;
- v. Memastikan pelaksanaan Jawatankuasa Tadbir Urus Terbaik dilaksanakan sepenuhnya;
- vi. Urus setia kepada Pasukan Inspektorat Sistem Star Rating Kementerian;
- vii. Merancang dan menyelaras kepada Pasukan Petugas Mengurangkan Karenah Birokrasi (PPMKB) bagi meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan kerja KKR dan Agensinya melalui penyemakan dan pengemaskinian prosedur lama;
- viii. Menyelaras penyertaan Bahagian/Agensi di dalam Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) MAMPU;
- ix. Menyelaras pelaksanaan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama KKR (KPI);
- x. Peningkatan imej kementerian;
- xi. Pengurusan kualiti melalui pelaksanaan MS ISO 9001:2000 dan pemodenan pentadbiran;
- xii. Merancang dan menyelaras program peningkatan kualiti melalui Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK) KKR;
- xiii. Penyelarasan keurusetiaan Mesyuarat-mesyuarat utama KKR; dan
- xiv. Aduan awam dan khidmat pelanggan.

**j. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)**

- i. Menyediakan Perancangan Strategik sumber manusia KKR dan agensinya;
- ii. Membangunkan dan memantau operasi organisasi Kementerian Kerja Raya dan agensinya;
- iii. Memberi pengiktirafan, menguruskan penilaian tahap kecekapan (PTK) dan menguruskan tata tertib warga Kerja Raya;
- iv. Menguruskan kemajuan kerjaya, pembangunan sumber manusia dan bimbingan warga Kerja Raya; dan
- v. Menguruskan hal-hal personel warga Kementerian Kerja Raya.

**k. Bahagian Kewangan (BK)**

- i. Urus setia kepada pegawai pengawal untuk menguruskan Belanjawan Mengurus KKR;
- ii. Memastikan sistem pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan bertanggungjawab;
- iii. Pengurusan tender dan harta dilaksanakan; dan
- iv. Memastikan sifar penemuan audit.

**l. Bahagian Akaun (BA)**

- i. Menentukan Sistem Perakaunan yang sesuai diwujudkan dan pengawasan dilaksanakan untuk mengelak dari kehilangan wang awam melalui penipuan atau kecuaiian;
- ii. Mengeluarkan garis panduan serta arahan perakaunan dan pembayaran kepada Ketua-ketua Jabatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab bagi pihak Pegawai Pengawal Kementerian;
- iii. Memastikan semua perbelanjaan dibenarkan di bawah Kementerian dilaksanakan dan diperakaunkan dengan betul dan teratur;
- iv. Menjalankan penyeliaan ke atas penerimaan hasil Persekutuan dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa hasil itu dipungut mengikut ketetapan Arahan Perbendaharaan;
- v. Menyediakan sistem maklumat kewangan dan perakaunan untuk mengawal Vot Mengurus, Vot Pembangunan, Akaun Amanah dan Hasil untuk tindakan pengurusan atasan;
- vi. Menyediakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan dan Penyata Kewangan Tahunan; dan
- vii. Menetapkan dan melaksanakan sistem, tatacara, prinsip dan kawalan perakaunan kerajaan yang meliputi semua

pembayaran dan pungutan hasil selaras dengan keperluan Akta Acara Kewangan 1957 (pindaan 1972).

**m. Bahagian Pentadbiran (BP)**

- i. Khidmat pentadbiran pengurusan atasan;
- ii. Urus setia kepada Mesyuarat Pengurusan Mingguan KSU dan Mesyuarat Penyelarasan Mingguan TKSU (O);
- iii. Urusan keselamatan Kompleks Kerja Raya; dan
- iv. Urusan penyelenggaraan dan keceriaan Kompleks Kerja Raya.

**n. Bahagian Hubungan Antarabangsa & Pembangunan Profesional (BAPP)**

- i. Menerajui penyelarasan hal ehwal antarabangsa KKR dan agensi-agensinya;
- ii. Membantu CIDB dan PSDC dalam menyediakan pelan strategik bagi meningkatkan pengeksporan kontraktor dan profesional ke luar Negara;
- iii. Mengenal pasti bidang industri binaan yang sesuai di kembangkan ke peringkat antarabangsa;
- iv. Mengenal pasti negara yang boleh dijadikan rakan pelaburan strategik dalam bidang perkhidmatan pembinaan;
- v. Mengendali FTA dalam bidang perkhidmatan profesional;
- vi. Menyelaras isu-isu hubungan antarabangsa pelbagai hala-ASEAN (AFTA/AFAS), OIC, WTO, dan APEC;
- vii. Urusan persefahaman *Mutual Recognition Agreement* (MRA);
- viii. Memantau kesan perjanjian di dalam World Trade Organisation (WTO)/liberalisasi perdagangan ke atas sektor perkhidmatan profesional;
- ix. Hubungan dua hala termasuk urusan MOU dan kerjasama teknikal;
- x. Memantau pelaksanaan MOU/prestasi konsortium pembinaan dan para profesional Malaysia di luar negara;
- xi. Penyediaan memorandum, Nota Jemaah Menteri dan ringkasan;
- xii. Menyelaras lawatan pembesar asing dari luar negara ke KKR;
- xiii. Mewakili KKR di dalam dialog, forum, bengkel seperti Dialog MITI, IMT-GT dan lain-lain;
- xiv. Hal ehwal perancangan dasar berkaitan multilateral dan bilateral KKR dengan *stakeholders*; dan
- xv. Urus setia lawatan pengurusan atasan KKR ke luar negara.

## 2.15. PIAGAM PELANGGAN KKR

Piagam Pelanggan Kementerian Kerja Raya adalah seperti berikut:

***Kami warga Kementerian Kerja Raya komited untuk memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti serta menjamin kepuasan pelanggan dalam melaksanakan tugas-tugas teras dengan:***

- ***Memastikan kualiti pembinaan jalan Persekutuan dilaksanakan mengikut tempoh, standard, spesifikasi dan kos yang ditetapkan;***
- ***Memastikan kualiti kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan dilaksanakan mengikut perjanjian konsesi yang telah dipersetujui;***
- ***Memastikan setiap aduan pelanggan yang diterima diberi maklum balas awal dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.***

Bagi melaksanakan piagam pelanggan di atas, KKR akan memastikan objektif kualiti seperti berikut dipatuhi:

### a. PERKHIDMATAN TERAS

#### i. Bahagian Perancang Jalan

##### **Perkhidmatan Perancangan Rangkaian Jalan Raya:**

- A1 Memastikan **90% kajian-kajian** yang dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan;
- A2 Memastikan lokasi terkini 'black spot' disediakan **sebelum Ogos pada setiap tahun;**
- A3 Menyiapkan RMLT/Kajian Semula RMLT KKR siap disediakan dua bulan setelah RMLT/Kajian Semula RMLT telah diluluskan oleh Parlimen;

**ii. Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan**

**Perkhidmatan Pengurusan Untuk Projek Pembangunan:**

- A1 Menyediakan Buku Bajet Pembangunan Tahunan dalam tempoh **3 bulan** dari Surat Pekeliling Kementerian Kewangan diterima;
- A2 Menyedia dan mengeluarkan waran peruntukan bagi membiayai projek pembangunan di dalam **tempoh 10 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- A3 Memastikan **lebih dari 95% peruntukan pembangunan** tahun semasa dibelanjakan;
- A4 Memastikan bilangan projek lewat hendaklah **tidak lebih 5% daripada jumlah projek** yang dilaksanakan dalam setiap tahun;
- A5 Memastikan akaun projek ditutup **di dalam tempoh masa sebulan** setelah tempoh membaiki kecacatan (DLP) tamat;
- A6 Memastikan projek Kementerian yang telah siap diserahkan dalam **tempoh 1 bulan daripada tarikh siap**;

**iii. Bahagian Kawalselia Penyenggaraan**

**Penyenggaraan Jalan Persekutuan**

- A1 Memastikan kerja-kerja pemotongan rumput di ROW jalan dipotong **dalam tempoh 1 – 15 hb setiap bulan**;
- A2 Memastikan semua kerja-kerja pembaikan (retification) terhadap *non commencement* di ambil tindakan seperti di bawah:

BIL	AKTIVITI	MASA UNTUK DILAKSANA	TEMPOH PEMBAIKAN
R01	Penampalan <i>pothole</i>	Jalan Protokol : 1 hari Jalan Primary : 3 hari Jalan Secondary : 3 hari	-
R02	Meratakan bahu jalan	7 hari untuk semua jenis jalan	7 hari dari notis pembaikan



BIL	AKTIVITI	MASA UNTUK DILAKSANA	TEMPOH PEMBAIKAN
R03	Pemotongan rumput	3 hari untuk semua jenis jalan	7 hari dari notis pembaikan
R04	Penyenggaraan perabot jalan	7 hari untuk semua jenis jalan	7 hari dari notis pembaikan
R05	Penyenggaraan jambatan dan pembentung	7 hari untuk semua jenis jalan	7 hari dari notis pembaikan
R06	Penyenggaraan longkang	3 hari untuk semua jenis jalan	7 hari dari notis pembaikan
B	Penyenggaraan rutin	14 hari (laporan bulanan)	14 hari dari notis pembaikan

A3 Memastikan proses pengambilalihan projek jalan persekutuan yang telah siap bagi tujuan penyenggaraan diselesaikan **dalam tempoh 1 bulan**;

A4 Memastikan Jalan Negeri yang hendak dinaik taraf perlu diisytiharkan sebagai jalan persekutuan sebelum peruntukan Persekutuan disalurkan;

A5 Memastikan kerja pemertaaan jalan yang dibuat di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959 diselesaikan dalam **tempoh 1 bulan**;

A6 Memastikan sekurang-kurangnya 95% Laporan Lawatan Pemantauan Jalan Persekutuan disediakan dalam **tempoh 7 hari bekerja dari tarikh lawatan**;

#### **Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan**

A7 Memastikan **KPI digunakan sepenuhnya** bagi penyenggaraan Bangunan Persekutuan;

A8 Memastikan tanda (signboard) di semua Bangunan Persekutuan dikemas kini;

A9 Memastikan sejadah di bilik sembahyang di setiap bangunan **tidak berbau** pada setiap masa;

A10 Memastikan sekurang-kurangnya 95% Laporan Lawatan Pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan disediakan **dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh lawatan**;

**iv. Bahagian Pembangunan Bumiputera**

- A1 Mendapatkan persetujuan kontraktor utama bagi pengagihan 10% kerja kepada kontraktor kelas F setelah surat setuju terima (LA) dikeluarkan dalam tempoh 1 minggu;
- A2 Menguruskan permohonan pinjaman Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor-Kontraktor (SKWAK) dengan mengeluarkan surat keputusan permohonan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima**;

**v. Bahagian Kewangan dan Bahagian Akaun**

- A1 Menguruskan pembayaran tuntutan dijelaskan **dalam tempoh empat belas (14) hari** bekerja dari tarikh terima bil yang lengkap oleh Unit Kewangan setiap PTJ;

**b. MODAL INSAN**

**i. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

- B1 Menyediakan **latihan 7 hari setahun** kepada pegawai dan kakitangan di semua peringkat, untuk menambah kemahiran dan pengetahuan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti;

**c. KEMUDAHAN DI KOMPLEKS KERJA RAYA**

**i. Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Teknologi Maklumat**

- C1 Menyediakan infrastruktur yang mencukupi dan sesuai kepada semua kakitangan dengan memastikan sekurang-kurangnya **80% kakitangan dibekalkan dengan peralatan komputer dan telefon**;
- C2 Memastikan gangguan kepada rangkaian komputer pelayan utama **tidak melebihi purata 10 jam sebulan**;
- C3 Memastikan **95% aduan kerosakan bulanan yang diterima disemak dan disiasat** dalam jangka masa 12 jam waktu bekerja bagi penyenggaraan bangunan, ruang pejabat dan utiliti berkenaan komunikasi dan pengangkutan;

**2.16. KEKUATAN MODAL INSAN KKR (SEHINGGA APRIL 2008)**

- a. Bagi memastikan segala perancangan dan pelaksanaan dapat dilaksanakan dengan berkesan, KKR mempunyai tenaga sumber manusia yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan kemahiran. Statistik tenaga sumber manusia adalah seperti di jadual di bawah:

Bil	Jenis	Perjawatan	Jumlah Pengisian	(%)
1.	Pengurusan Tertinggi	6	5	83
2.	Pengurusan dan Profesional	234	114	49
3.	Sokongan	684	556	81
	<b>JUMLAH</b>	924	675	73

**Jadual 4** : Status pengisian dan kekosongan jawatan di KKR

- b. Bagi pecahan kelulusan pula, tenaga kerja KKR terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu bidang pengurusan, kejuruteraan, dan sebagainya. Berikut adalah pecahan kelulusan mengikut kepakaran di KKR:

Bil	Kelulusan	Pengkhususan	Jumlah
1.	PhD		1
2.	Ijazah Sarjana	MBA/ME/MSc	9
3.	Ijazah Sarjana Muda	Kejuruteraan/Teknikal/IT	94
		Sains	5
		Pengurusan	7
		Sosial	2
		Lain-lain	6
4.	Diploma dan setaraf		60
		<b>JUMLAH</b>	<b>184</b>

**Jadual 5** : Pecahan pegawai/kakitangan mengikut kelulusan

### 3. FASA 1 RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN RMK9 (2006 – 2008)

#### 3.1. KEJAYAAN

Sepanjang tempoh Fasa 1 RMK9, KKR telah berjaya mencatat kejayaan-kejayaan yang cemerlang dan membanggakan di dalam melaksanakan tugas-tugas teras dan juga tugas-tugas sokongan. Kejayaan KKR ini didorong oleh semangat kerja berpasukan dan komitmen keseluruhan warga KKR dan juga Agensinya serta dijadikan kekuatan kepada KKR dalam menghadapi Fasa 2 RMK9. Kejayaan yang telah diperoleh oleh KKR adalah seperti berikut:

##### a. Prestasi Perbelanjaan

KKR telah berjaya mencatatkan perbelanjaan yang cemerlang di dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan dalam tempoh 2006 sehingga Mac 2008. **Jadual 8** menunjukkan rekod perbelanjaan yang telah dicatatkan oleh KKR. Perbelanjaan ini merupakan antara rekod perbelanjaan terbaik di kalangan seluruh Kementerian di Malaysia.

Jenis	Jumlah (bilion)
Geran	RM 19.15
PFI	RM 0.35
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 19.50</b>

Jadual 6 : Siling Peruntukan RMK9

##### b. Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan

Projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan juga telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang terutamanya di dalam memastikan **pengurangan di dalam projek sakit dan projek lewat jadual**. Jadual 7 di bawah menunjukkan peratus projek dahulu jadual, ikut jadual, siap, lewat jadual, sakit dan dalam perancangan.

Tahun	2006		2007		2008*	
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)
Bilangan Projek Dahului Jadual (DJ)	11	2.1	37	6.9	27	5.1
Bilangan Projek Ikut Jadual (IJ)	218	4.0	237	44.4	287	53.7
Bilangan Projek Siap (S)	121	22.7	169	31.6	181	33.9
Bilangan Projek Lewat Jadual* (LJ)	4	0.7	5	0.9	7	1.3
Bilangan Projek Sakit*	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Projek Dalam Perancangan (DP)	180	33.7	86	16.1	32	6.0

Jadual 7 : Prestasi Pelaksanaan Projek KKR Tahun 2006 sehingga Mac 2008

JERIS PERUNTUKAN	BELANJAWAN (RM) (a)		PERBELANJAAN SEBENAR (RM) (b)		PERBEZAAN (RM) (c) = (a-b)		PERATUS PERBEZAAN (%) (d) = (c/a x 100)	
	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007
Mengurus	1,406,113,000	1,619,635,100	1,385,191,992	1,620,160,835	20,921,007	(525,735.33)	1.49	(0.03)
Pembangunan	5,106,100,000	5,062,764,000	5,057,876,845	5,023,634,844	48,223,213	39,120,155	0.94	0.77
JUMLAH	6,512,213,000	6,682,399,100	6,443,068,838	6,643,795,679	69,144,221	38,594,420	1.06	0.58

Jadual 8 : Prestasi perbelanjaan KKR Tahun 2006 sehingga Mac 2008

### c. Penilaian Sistem Star Rating Kementerian 2007

Kecemerlangan yang telah dicapai oleh KKR telah dibuktikan melalui keputusan yang telah diperoleh melalui Sistem Star Rating yang telah diperkenalkan oleh MAMPU pada tahun 2007. KKR telah berjaya mendapat tempat kedua berbanding semua Kementerian dengan jumlah markah 85.47% dan telah layak memperoleh **Status 4 Bintang**.

BIL	KEMENTERIAN	MARKAH	BINTANG
1.	MOE	86.63	4
<b>2.</b>	<b>KKR</b>	<b>85.47</b>	<b>4</b>
3.	KKLW	82.86	4
4.	MOA	81.80	4
5.	MITI	81.48	4
6.	MOH	81.29	4
7.	KSM	81.25	4
8.	KPT	81.00	4
9.	KPKT	80.91	4
10.	KKDN	80.76	4

**Jadual 9** : Kedudukan 10 teratas antara Kementerian Sistem Star *Rating* (SSR) MAMPU Tahun 2007

### d. MS ISO 9001:2000

KKR telah berjaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa melalui **persijilan semula MS ISO 9001:2000** sehingga 18 November 2010. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa standard penyampaian perkhidmatan KKR berada pada tahap yang terbaik.

### e. Teguran Audit 2006

KKR telah berjaya mendapat **status audit sifar** bagi pengurusan kewangan tahun 2006.

### f. Penyenggaraan Jalan Persekutuan

KKR telah berjaya menyediakan **Peta Jalan Persekutuan** yang lebih tepat dengan mengambil kira aspek kadestral dalam pembangunan laluan. Peta jalan ini menjadi dokumen rasmi KKR.

KKR juga telah berjaya **mengemas kini semula laluan jalan Persekutuan** terutama di kawasan FELDA di seluruh Negara.

KKR telah berjaya mendapatkan persetujuan JKPTG dengan menggunakan Pelan GIS untuk **kelulusan Dasar Pewartaan Jalan**

di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Pada masa ini sebanyak 150 daripada 222 laluan Persekutuan telah dikemukakan kepada PTG Negeri untuk kelulusan dasar. Setelah kelulusan dasar ini diperolehi, baru ukuran halus dapat disediakan.

Berjaya **mengawal pemotongan rumput di Jalan Persekutuan** sentiasa di bawah 4" bermula dari 16 – 30hb, manakala kerja pemotongan rumput bermula dari 1 – 15hb setiap bulan.

Memastikan **tiada Jalan Persekutuan yang berlubang tanpa pembaikan segera.**

Berupaya **membangunkan Pangkalan Data GIS** yang boleh digunakan untuk menyediakan program-program bagi meningkatkan kualiti pemantauan pelaksanaan projek dan penyenggaraan jalan Persekutuan.

**g. Aduan Awam**

Berupaya **menyelesaikan aduan awam melebihi 80% setahun**

**h. Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan**

Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan yang baik di 60 buah bangunan di seluruh Negara.

**i. Penstrukturan Semula KKR**

Berjaya mendapat persetujuan JPA untuk menstrukturkan semula KKR melalui penstrukturan semula ini, **KKR telah menerima sebanyak 149 jawatan tambahan termasuk jawatan yang dinaikkan gred menjadikan jumlah perjawatan terkini KKR sebanyak 927 jawatan.** 2 (dua) bahagian baru dan beberapa cawangan / Unit juga telah dinaikkan taraf menjadi bahagian dalam penstrukturan semula ini.

### 3.2. ISU DAN MASALAH KKR

Isu dan masalah yang dihadapi oleh KKR ini merupakan kelemahan dan ancaman yang perlu ditangani dengan segera.

#### a. SEKTOR PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Kesan daripada disintegrasi di antara bidang tugas JKR dan KKR di dalam projek-projek pembangunan, JKR tidak dapat melaksanakan pembangunan jalan Persekutuan dengan cemerlang dan KKR pula tidak berupaya memantau pelaksanaan jalan Persekutuan dengan berkesan. Antara punca utama yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

##### i. Perancangan yang tidak sempurna

Masalah perancangan projek yang tidak sempurna bermula dari kelulusan projek. Dalam RMKe9 sebanyak lebih 55 projek jalan yang diluluskan **tidak mempunyai perancangan langsung**. Keadaan ini mengganggu kelicinan pelaksanaan projek.

##### ii. Masalah Pengambilan Balik Tanah

Projek-projek yang telah dirancang dan diputuskan pelaksanaannya menghadapi masalah apabila **Pihak Berkuasa Negeri tidak meluluskan pengambilan balik tanah** walaupun pada peringkat permulaannya persetujuan telah diperoleh. Sebagai contoh projek Menaik taraf Jalan T1/T3 dari Merang ke Kuala Besut, Terengganu.

##### iii. Pengalihan utiliti yang tidak lancar

Pengalihan utiliti seperti bekalan air, elektrik, talian komunikasi dan gas tidak sempurna akibat dari **kurang penyelarasan** di antara program jalan dengan perancangan pengalihan kemudahan utiliti agensi.

##### iv. Kenaikan harga dan kekurangan bekalan barang

Barangan seperti pasir dan batu amat terhad di pasaran tempatan pada masa kini. Ini menyebabkan penjadualan penghantaran barangan turut terjejas. **Kenaikan harga barang** binaan khususnya besi, simen, pasir dan batu telah menyebabkan kontraktor menghadapi masalah aliran wang tunai. Sehubungan dengan itu, KKR sedang mengkaji



mekanisme untuk meringankan beban kewangan kontraktor berhubung kenaikan harga ini.

**v. Kontraktor yang tidak kompeten**

Terdapat beberapa **projek dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak cekap** sama ada dari perancangan dan pengurusan kewangan. Akibatnya projek tidak dapat disiapkan seperti di jadual.

**vi. Peruntukan kewangan yang terhad**

**Siling asal RMK9 tidak mencukupi** untuk melaksanakan skop projek sepenuhnya. Faktor-faktor yang menyumbang kepada siling yang tidak mencukupi ini adalah seperti kenaikan harga barang, projek-projek luar jangka/kecemasan akibat bencana alam seperti banjir/tanah runtuh dan sebagainya.

**vii. Pengurusan Trafik yang lemah**

**Pengurusan trafik kurang diberi perhatian** oleh kontraktor dan menimbulkan masalah kepada pengguna jalan raya. Rata-rata tahap penggunaan trafik tidak mencapai tahap 80%.

**viii. Pengurusan Kontrak yang tidak cekap**

Terdapat banyak **pengurusan kontrak tidak cekap**, akibatnya projek sukar ditamatkan walaupun kontraktor tidak berfungsi.

**b. SEKTOR PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN**

**i. Skop penyenggaraan jalan Persekutuan dan negeri**

Buat masa ini tugas-tugas pemantauan penyenggaraan jalan persekutuan yang dijalankan oleh syarikat konsesi di Semenanjung Malaysia dilakukan oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Ibu Pejabat JKR dan di Sabah dan Sarawak dilakukan oleh Unit Jalan JKR Negeri masing-masing. Bahagian Kawalselia Penyenggaraan (BKS), KKR pula berperanan dalam memastikan kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan diselaraskan bagi keseluruhan jalan Persekutuan seluruh negara terutamanya di dalam penyediaan bajet, bayaran dan penyediaan laporan.

Walau bagaimanapun kadang kala wujud kekeliruan skop penyenggaraan yang mana CSFJ IPJKR dan JKR Sabah/Sarawak turut menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri.

- ii. Penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan (>16,000 km) bagi **kerja-kerja berkala dan kecemasan** memerlukan anggaran peruntukan sebanyak RM100 juta, namun peruntukan semasa RMK9 hanyalah sebanyak RM30 juta. Keadaan ini diburukkan apabila JKR menggunakan peruntukan KKR bagi menyelenggara jalan negeri yang rosak akibat banjir.
- iii. Jalan-jalan Persekutuan tidak diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1969, yang menyebabkan KKR tiada kuasa penuh ke atas ROW Jalan Persekutuan.

#### c. SEKTOR SOKONGAN

- i. Pengisian Jawatan yang kurang memuaskan terutamanya pengisian jawatan profesional amat lewat telah menjejaskan pelaksanaan projek.
- ii. Prosedur, sistem kerja yang tidak dikemaskini dan perlu dikaji semula supaya dapat mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatan KKR.
- iii. Penggunaan tidak secara aktif GIS dalam perancangan, pemantauan pelaksanaan dan penyelenggaraan jalan Persekutuan.


## 4. ASAS-ASAS PERANCANGAN STRATEGIK ORGANISASI

### 4.1. Prinsip asas perancangan strategik KKR

- a. Prinsip asas perancangan strategik KKR adalah **untuk memastikan tugas teras KKR iaitu membangunkan dan menyelenggarakan jalan Persekutuan dapat dilaksanakan.**
- b. Jadi **fokus perancangan strategik KKR adalah lebih kepada melaksanakan tugas-tugas teras, manakala tugas agensinya tidak disekalikan dalam pelan strategik ini.** Pelan strategik ini cuma memberi garis panduan untuk membantu PSO agensinya. PSO ini akan memberi tumpuan kepada 3 pencapaian utama iaitu:
  - i. Lima (5) Misi Nasional;
  - ii. Enam (6) Teras Komitmen Perkhidmatan Awam; dan
  - iii. Mensasarkan pembangunan jalan raya Persekutuan yang komprehensif seluruh Negara dan menjamin kualiti penyenggaraan yang tinggi.

### 4.2. MISI NASIONAL (2006 - 2020)

- a. Kaedah pencapaian bagi mencapai Misi Nasional di dalam adalah seperti rajah berikut:



Rajah 5 : Peranan KKR dalam mencapai Misi Nasional

- b. KKR berperanan dalam menyumbang secara langsung kepada tiga Misi Nasional iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi, meningkatkan tahap & kemapanan kualiti hidup dan menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina & produktif melalui pelaksanaan secara berkesan tugas-tugas teras KKR. Pembinaan jalan raya yang bersepadu berupaya melonjak kepada kejayaan ketiga-tiga faktor ini.
- c. Manakala KKR secara berterusan akan memastikan 2 lagi Misi Nasional iaitu mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara dengan menubuhkan mekanisme pelaksanaan & pemantauan yang lebih cekap dan meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama' diterapkan di dalam setiap aspek perkhidmatan yang diberikan oleh KKR.
- d. Sehubungan dengan itu, tugas utama KKR adalah untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan teras yang diberikan oleh KKR memberi sumbangan yang signifikan kepada mencapai Misi Nasional.

BIL	TERAS UTAMA	HURAIAN RINGKAS SUMBANGAN KKR & AGENSI
1.	Persaingan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggerakkan dan merencanakan sektor pembinaan dengan memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan</li> </ul>
2.	Pembangunan Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan keupayaan golongan profesional supaya dapat bersaing diperingkat global</li> <li>Melatih dan mengakreditasi personel binaan</li> </ul>
3.	Pengimbangan Sosio-Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengimbangi pembangunan pembinaan jalan raya/lebuhraya antara wilayah melalui perancangan jalan raya yang bersepadu</li> <li>Memastikan penyertaan aktif Bumiputera di dalam sektor pembinaan</li> </ul>
4.	Peningkatan Taraf Kualiti Hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pembinaan rangkaian jalanraya/lebuhraya dan bangunan yang selamat, efisien dan selesa</li> <li>Memastikan jalan Persekutuan dan bangunan Gunasama Persekutuan yang telah dibina disenggara dengan baik</li> </ul>
5.	Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan keupayaan dan kepakaran Kementerian serta agensi melalui peningkatan kompetensi dan budaya kerja cemerlang dalam semua bidang berkaitan.</li> </ul>

**4.3. 6 TERAS KOMITMEN PERKHIDMATAN AWAM**

- a. KKR perlu merubah kekuatan yang ada untuk mencapai Misi Nasional. Bagi menerajui misi tersebut 6 Teras Komitmen Perkhidmatan Awam perlu dihayati dan dijadikan panduan seluruh warga Kerja Raya. 6 teras tersebut adalah:

TERAS	KOMITMEN
<b>PERTAMA</b>	Perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan kajian semula
<b>KEDUA</b>	Mengupaya anggota perkhidmatan awam dengan sikap yang betul, kemahiran dan stamina kerja
<b>KETIGA</b>	Menambah baik penyampaian di bahagian hadapan (front delivery)
<b>KEEMPAT</b>	Perkhidmatan berkualiti menerusi penggunaan teknologi
<b>KELIMA</b>	Usaha-usaha ke arah pembasmian kemiskinan
<b>KEENAM</b>	Memupuk satu perkongsian yang efektif dengan pihak berkepentingan

**Rajah 5 : 6 TERAS KOMITMEN PERKHIDMATAN AWAM**

**i. PERANCANGAN, PELAKSANAAN, PEMANTAUAN, DAN KAJIAN SEMULA**

Aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan kajian semula sememangnya telah dijadikan panduan di dalam melaksanakan keempat-empat fungsi teras utama KKR. Bagi memastikan teras pertama ini dipatuhi, KKR telah menyusun dan menstrukturkan semula fungsi-fungsi Bahagian Perancang Jalan dan Bahagian Pembangunan & Penswastan supaya kedua-dua bahagian ini dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Pengkhususan tugas utama bahagian-bahagian di KKR ditunjukkan seperti di dalam **Rajah 2**.

Bagi memantau pencapaian Bahagian-bahagian di KKR, **piawaian melalui KPI diwujudkan** supaya setiap prestasi setiap bahagian dapat diukur, dinilai dan ditambah baik.

ii. **MENGUPAYA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DENGAN SIKAP YANG BETUL, KEMAHIRAN DAN STAMINA KERJA**

KKR akan memastikan persepsi orang awam mengenai Perkhidmatan Awam merupakan bidang pekerjaan yang berisiko rendah-ganjaran rendah (*low risk-low reward*) diubah melalui penggubalan strategi **Dasar Pengurusan Sumber Manusia KKR** yang lengkap. Dasar ini dibentuk bagi memastikan pengurusan sumber manusia di KKR mencakupi keseluruhan bidang bermula dari proses pengambilan sehinggalah tamat perkhidmatan.

KKR akan memastikan **kepimpinan terbaik diberikan perhatian** dan ditempatkan ke jawatan yang membolehkan mereka untuk melakukan perubahan yang positif dan efektif.

iii. **MENAMBAH BAIK PENYAMPAIAN DI BAHAGIAN HADAPAN (*FRONT DELIVERY*)**

Dasar “No Wrong Door Policy” akan dilaksanakan sepenuhnya oleh KKR supaya pelanggan dapat berurusan dengan mana-mana Bahagian di KKR tanpa sekatan. KKR akan memastikan semua warga KKR dan Agensinya memahami tugas-tugas teras KKR dan Agensi supaya pelanggan-pelanggan dapat mengetahui maklumat dengan lebih tepat.

**Melalui Pelan Strategik ICT (ISP)**, KKR akan memastikan perkhidmatan yang cepat dan efektif melalui proses yang direkayasa, prosedur yang terselaraskan dan penggunaan sistem ICT dan aplikasi secara lebih efektif.

iv. **PERKHIDMATAN BERKUALITI MENERUSI PENGGUNAAN TEKNOLOGI**

Pembangunan Sistem GIS merupakan salah satu daripada usaha berterusan KKR di dalam memastikan segala maklumat yang berkaitan di dalam pembangunan jalan raya dapat diintegrasikan dan sumber maklumat tepat dapat dirujuk.

**Perkhidmatan secara *on-line* sepenuhnya juga dipertingkatkan** supaya reaksi yang efektif dapat dipertingkatkan kepada pelanggan.

**v. USAHA-USAHA KE ARAH PEMBASMIAN KEMISKINAN**

Strategi dan dasar yang dirangka di dalam pembangunan jalan raya secara tidak langsung telah membantu usaha-usaha Kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan. **Matlamat 4 di dalam Buku Blue Print Pelaksanaan Rangkaian Jalan Raya Malaysia dalam RMK9** telah memfokuskan kepada usaha menggunakan kaedah rangkaian jalan raya bagi mengagihkan kemudahan bandar sosial serta infrastruktur ke kawasan luar bandar.

**vi. MEMUPUK SATU PERKONGSIAN YANG EFEKTIF DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN**

KKR perlu memastikan sektor swasta melaksanakan projek-projek pembangunan negara dengan berkesan. Untuk mencapai tujuan ini, KKR akan mendapatkan maklum balas dan komen daripada sektor swasta supaya penambahbaikan terutamanya dalam memastikan tatacara perolehan Kerajaan dilakukan dengan adil dan telus.

#### 4.4. SASARAN MAKRO PEMBANGUNAN JALAN RAYA PERSEKUTUAN

- a. Rangkaian Jalan raya Persekutuan mempunyai peranan yang penting bagi **melonjak pembangunan ekonomi negara** di mana pembinaannya bukan setakat meningkatkan kecekapan kepada penggunaan tetapi jalan raya ini **merupakan penjana pertumbuhan ekonomi negara**.
- b. Bagi memaksimumkan pulangan yang dibuat terhadap pelaburan, maka perancangan rangkaian lebuhraya yang bersepadu akan **diselaraskan pembangunannya selari dengan pembangunan spatial dan ekonomi negara**.
- c. Ini adalah penting supaya ia dapat **menyokong pembangunan kawasan koridor pembangunan** di koridor selatan, utara, timur Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Jadi **Pencapaian Separuh Penggal Kedua RMK9 (2008 - 2010)** adalah satu tempoh masa yang penting bagi mengintegrasikan pembangunan Negara.
- d. Jumlah panjang jalan Persekutuan di dalam RMK9 melibatkan pembinaan sebanyak 550<sup>6</sup> kilometer dan kos yang terlibat adalah **berjumlah RM19.2 bilion**. Senarai projek-projek yang dijangka siap antara tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Lampiran**.
- e. Penyenggaraan juga akan diberikan penekanan yang menyeluruh selaras dengan hasrat kerajaan bagi mewujudkan budaya **"First Class Infrastructure and First Class Maintenance"**. Senarai jalan Persekutuan yang diselenggarakan oleh KKR dan skop kerja penyenggaraan adalah seperti di Lampiran.

---

<sup>6</sup> Anggaran sekiranya projek KSP RMK9 diluluskan secara keseluruhan



## 5. DASAR DAN STRATEGI PSO

### 5.1. Konsep Penyediaan PSO


Konsep penyediaan PSO KKR agak berbeza dengan PSO KKR yang terdahulu kerana PSO yang digubal ini hanya memberikan fokus kepada fungsi Menteri Kerja Raya yang berkaitan dengan fungsi KKR. Oleh itu mana-mana strategi yang bukan merupakan tugas KKR iaitu tugas agensinya, tidak dikaji dalam PSO ini. Strategi ini dijangka akan diambil kira oleh agensi-agensi apabila ia menyediakan PSO masing-masing.

### 5.2. DASAR PEMBANGUNAN & PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN

- a. Dasar Pembangunan & Penyenggaraan Jalan Persekutuan dilaksanakan melalui putaran tugas aktiviti utama KKR seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.
- b. Dasar-dasar ini disokong oleh dasar-dasar sokongan seperti dasar sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi, kewangan dan pentadbiran. Berdasarkan kepada dasar pembangunan dan penyenggaraan jalan Persekutuan ini, Bahagian-bahagian di KKR membentuk perancangan di dalam Pelan Tindakan.
- c. Pelan Tindakan ini menterjemahkan PSO dan perancangan RMLT KKR disamping disokong oleh Perancangan Strategik setiap Agensi KKR. Melalui interaksi di antara komponen ini, output kerja teras KKR dapat direalisasikan dengan kualiti yang paling optimum.
- d. Secara ringkasnya, **Dasar Pembangunan dan Penyenggaraan Jalan Persekutuan** adalah seperti di tunjukkan di **Rajah 7**.
- e. **Rajah 8** di bawah pula menunjukkan kerangka hubungan antara tugas teras KKR dan strategi-strategi sokongan yang akan membantu untuk mencapai PSO KKR.

BIL	PERNYATAAN DASAR
1	Memperkasa Rangkaian Jalan Persekutuan antara koridor dan bandar utama di seluruh Negara
2	Memperkasa Rangkaian Jalan Persekutuan di dalam Wilayah Koridor Pembangunan
3	Melengkapkan rangkaian Jalan Persekutuan di Koridor Sabah & Sarawak
4	Memperkukuhkan rangkaian Jalan Persekutuan ke pusat pertumbuhan di luar koridor
5	Meningkatkan kecekapan Jalan Persekutuan di bandar utama di Malaysia
6	Mengekalkan tahap aset Jalan Persekutuan yang cemerlang iaitu mencapai spesifikasi/piawaian teknikal jalan
7	Meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pembangunan industri binaan negara

Rajah 7 : Dasar Pembangunan dan Penyenggaraan **Jalan** Persekutuan



**Rajah 8 :** Hubung kait antara aktiviti utama, aktiviti sokongan, perancangan strategik agensi dalam pelaksanaan Perancangan Strategik Organisasi KKR bagi mencapai *output* yang diamanahkan

### 5.3. STRATEGI TERAS UTAMA

Strategi teras utama ini merupakan strategi-strategi yang telah disusun berdasarkan peranan dan tugas utama KKR. Strategi-strategi di dalam teras utama ini telah dipecahkan kepada 4 sektor iaitu, pembangunan jalan raya, penyenggaraan jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan, pembangunan usahawan Bumiputera dan pengendalian aduan awam.

#### a. PEMBANGUNAN JALAN RAYA

- i. Strategi-strategi di dalam sektor pembangunan jalan raya ini menumpukan kepada 11 komponen penting yang terlibat iaitu bermula dari aspek perancangan makro jalan raya sehinggalah kepada penutupan akaun sesuatu projek. Strategi-strategi yang telah dikenal pasti dihuraikan seperti pernyataan di bawah:

STRATEGI	PERNYATAAN
1.1	Menyediakan suatu dasar dan strategi pembangunan rangkaian jalan raya/lebuhraya Malaysia yang menyeluruh yang mampu: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menjana pembangunan ekonomi Negara;</li> <li>▪ mengimbangi keperluan pembangunan spatial;</li> <li>▪ mengambil kira sensitiviti alam sekitar; dan</li> <li>▪ penggunaannya memenuhi keperluan rakyat seluruh negara</li> </ul>
1.2	Menyediakan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan Kajian Semula RMLT yang <b>menjadi dokumen rujukan</b> dasar, strategi, program dan projek rangkaian jalan raya Negara bagi sektor awam dan swasta.
1.3	Menyediakan <b>suatu perancangan projek (jalan raya) yang komprehensif</b> yang mengambil kira strategi Nombor 1, kos efektif, mesra alam sekitar dan mesra rakyat.

STRATEGI	PERNYATAAN
1.4	<p><b>Pembangunan jalan dilaksanakan secara konvensional</b> di mana tender akan dikeluarkan setelah reka bentuk jalan dan kerja-kerja pengambilan tanah dan perpindahan utiliti selesai dilaksanakan. Perancangan bersifat <i>rolling programme</i> lebih mudah memastikan projek dilaksanakan bermutu tinggi, kos efektif dan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
1.5	<p>Membuat persediaan pra-bajet yang mencukupi untuk <b>membolehkan peruntukan yang diluluskan memenuhi keperluan kementerian dengan mencukupi</b> dan pelaksanaan projek boleh dimulakan (<i>take off</i>) di awal tahun bajet berkenaan.</p>
1.6	<p>Membuat perundingan di antara Jabatan/Agensi yang berkaitan bagi <b>menentukan kajian reka bentuk projek sama ada dilakukan oleh BPJ atau JKR</b>. Tindakan perolehan projek boleh dibuat setelah BPJ memberi pandangan semua kajian reka bentuk jalan raya yang disediakan oleh JKR atau perunding disiapkan.</p>
1.7	<p><b>Memantau aktiviti pra-LA</b> berkaitan dengan pengiklanan, analisis tender, Mesyuarat Lembaga Tender, kelulusan Perbendaharaan (jika ada), surat <i>undertaking</i> kontraktor berjaya berkaitan kerja kelas F berjalan lancar, sebelum surat kuasa Menteri di tanda tangan dan L.A. dapat dikeluarkan.</p>
1.8	<p>Menyediakan kaedah pemantauan projek bermula dari pra-pelaksanaan sehingga projek diserahkan oleh kontraktor kepada KKR. Fokus utama pemantauan ini ialah <b>tiada projek lewat jadual (lewat jadual sifar), pengurusan trafik mencapai tahap 80%, pengurusan kontrak seperti dikehendaki, projek siap sebolehnya dahului jadual, perbelanjaan 100% setiap tahun</b> dan projek diserahkan kepada KKR sebaik sahaja projek ini disahkan bebas dari kecacatan</p>

STRATEGI	PERNYATAAN
1.9	Memantau <b>aktiviti menguruskan SPP II</b> untuk membolehkan semua lapangan dipenuhi dengan maklumat dan maklumat SPP II akan digunakan untuk aktiviti perancangan pelaksanaan dengan penyelenggaraan jalan
1.10	Merancang <b>pengurusan projek dalam tempoh kecacatan mengikut obligasi yang terdapat dalam kontrak</b> dan memenuhi manual prosedur kerja BKS, sehingga tempoh kecacatan tamat. Pada masa ini pewartaan ROW di bawah Seksyen 62 KTN dan kajian <i>outcome</i> dapat disediakan
1.11	Memastikan <b>kerja ‘tutup akaun’ dibuat dalam tempoh 6 bulan</b> , setelah projek diselesaikan dan berakhir dalam tempoh setahun

**b. PENYENGGARAAN JALAN RAYA DAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

- i. Strategi-strategi di dalam sektor penyenggaraan jalan Persekutuan pula akan lebih dikhususkan kepada *outcome* dan bagaimana kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. 4 strategi utama yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

STRATEGI	PERNYATAAN
1.12	Merancang dengan sistematik kerja penyenggaraan jalan Persekutuan dibuat oleh konsesi seperti mana ditetapkan dalam kontrak dan prosedur tertentu dan persetujuan bersama

STRATEGI	PERNYATAAN
1.13	<p>Memastikan tindakan penguatkuasaan Perjanjian Konsesi teratur di mana tugas konsesi bagi menyenggara jalan dapat memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Pemotongan rumput dibuat di antara 1-15hb</b> atau sekiranya rumput lalang lebih 4” pada 16-30hb maka pemotongan bayaran kepada konsesi boleh dikenakan;</li> <li>▪ Permukaan jalan rata, tiada berlubang dan tiada ditakungi air;</li> <li>▪ Longkang jalan Persekutuan sentiasa dijaga dan air boleh mengalir; dan</li> <li>▪ Semua perabot jalan dijaga rapi.</li> </ul>
1.14	<p>Menjadikan KKR sebagai <b>pemegang peta jalan Persekutuan yang berkuasa dan bertanggungjawab bagi memberi nombor jalan berdasarkan kaedah ditentukan oleh JKR</b>, dan menentukan ‘km post’ setiap jalan yang dibina.</p>
1.15	<p>Memantau semua papan tanda arah tunjuk jalan <b>diletak di lokasi yang sesuai</b> dan memberi <b>arah tunjuk yang mesra pengguna jalan</b>.</p>
1.16	<p><b>Merancang dan memantau obligasi Kerajaan dan swasta</b> seperti yang tercatat dalam perjanjian diantara Kerajaan dan konsesi dalam menguruskan 60 buah bangunan guna sama Persekutuan.</p>

**c. PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA**

- i. Strategi-strategi di dalam sektor pembangunan usahawan Bumiputera memberi fokus kepada dua isu yang paling penting iaitu agihan kontrak dan masalah ketirisan. Strategi yang dirangka ini adalah inti pati utama dokumen Pelan Tindakan RMK9 Bahagian Pembangunan Bumiputera.

STRATEGI	PERNYATAAN
1.17	Memantau semua projek yang diselia oleh JKR benar-benar <b>mengagihkan 10% dari nilai kontrak kepada kontraktor kelas F tempatan</b>
1.18	Berusaha <b>mengurangkan ketirisan projek</b> yang diberikan kepada kontraktor Bumiputera

**d. ADUAN AWAM**

- i. Aduan awam merupakan antara fokus yang paling penting di dalam penggubalan strategi ini kerana prestasi perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan jalan Persekutuan ini akan ditentukan oleh aduan awam.

STRATEGI	PERNYATAAN
1.19	Merancang semua aduan di jalan Persekutuan akan <b>diselesaikan dalam tempoh 3 hari.</b>



## 5.4. STRATEGI KORPORAT

Strategi korporat pula adalah tulang belakang kepada 19 strategi teras utama di atas. Strategi korporat ini merupakan penggerak utama yang memastikan Bahagian-bahagian yang terlibat di dalam tugas teras KKR dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan. Sektor-sektor yang dijadikan fokus di dalam strategi korporat ini melibatkan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat dan kewangan.

### a. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

- i. Strategi yang terkandung di dalam sektor pengurusan sumber manusia memfokuskan kepada keperluan bagi memastikan perjawatan di KKR dapat diisi dengan semaksimum yang mungkin. Tanpa pengisian jawatan, tugas-tugas teras yang perlu dilakukan tidak dapat dilaksanakan dengan efisien. 2 strategi yang berkaitan adalah seperti berikut:

STRATEGI	PERNYATAAN
2.1	Memastikan organisasi baru KKR yang diluluskan oleh JPA dapat berfungsi dengan baik melalui <b>pengisian jawatan sepenuhnya dan membangunkan kompetensi sumber manusianya.</b>
2.2	Memastikan semua pegawai/kakitangan mempunyai <b>peluang yang seimbang dalam kenaikan pangkat</b> , sasaran KKR supaya setiap kakitangan/pegawai mempunyai peluang kenaikan pangkat sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

### b. PEMODENAN TADBIRAN

- i. KKR sentiasa berusaha dari semasa ke semasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatannya berada pada tahap yang terbaik. Sektor pemodenan tadbiran ini memberi penekanan kepada usaha KKR di dalam memodenkan dan meningkatkan kecekapan pengurusan berdasarkan kriteria-kriteria yang diperkenalkan oleh MAMPU melalui Penilaian Sistem Star Rating.

- ii. Selain daripada itu, KKR akan memastikan penggunaan ISO diketatkan dan kemudahan ICT serta logistik diambil perhatian oleh Bahagian yang terlibat. 4 strategi khusus yang telah dirangka adalah seperti berikut:

STRATEGI	PERNYATAAN
2.3	Merancang KKR <b>mencapai taraf pengurusan lima bintang</b> melalui usaha-usaha mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dari peringkat awal.
2.4	Memastikan kecekapan organisasi KKR terus dipertingkatkan melalui <b>mewajibkan penggunaan MS ISO 9001:2000</b> dan mematuhi Pekeliling yang dikeluarkan agensi pusat.
2.5	Menyediakan <b>kemudahan IT untuk meningkatkan kecekapan pengguna KKR</b> dan membantu pengurusan atasan membuat keputusan.
2.6	Menyediakan <b>keperluan logistik yang mencukupi</b> untuk menyokong semua bahagian dalam melaksanakan tugas masing-masing.

### 5.5. STRATEGI SOKONGAN AGENSI KKR

Melalui 2 Bahagian yang ditubuhkan iaitu Bahagian Pemantauan Agensi & Kemahiran dan Bahagian Hubungan Antarabangsa & Pembangunan Profesional, KKR akan dapat memberikan fokus kepada agensi-agensi di bawahnya supaya setiap agensi-agensi tersebut memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan. KKR akan memastikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Agensi diatasi dengan berkesan.

#### a. MEMANTAU PERANCANGAN STRATEGIK AGENSI

- i. Bagi memastikan semua Agensi di bawah KKR berupaya mencapai sasaran di dalam PSO masing-masing, KKR akan menjadi pemudah cara dan penghubung bagi agensi-agensi yang menghadapi masalah. Strategi yang digariskan ini bertujuan supaya KKR lebih memahami keperluan setiap agensi dalam melaksanakan tugas-tugas masing-masing.

Strategi yang telah dirangka adalah seperti berikut:

STRATEGI	PERNYATAAN
3.1	Memantau pelaksanaan PSO tiap-tiap Agensi di bawah KKR dan memastikan segala yang dirancang dicapai pada tahun berkenaan.
3.2	Memantau dan membantu CIDB untuk membangunkan industri binaan Malaysia mencapai taraf dunia

**b. RANGKAIAN LEBUH RAYA**

- i. Rangkaian lebuh raya di Malaysia merupakan antara yang termaju dan termoden di rantau ini. Kejayaan pembinaan lebuh raya di Malaysia telah memberikan peluang kepada kontraktor-kontraktor Malaysia melangkah ke peringkat antarabangsa di dalam membekalkan kepakaran pembinaan lebuh raya seperti India, Sri Lanka, Bahrain dan sebagainya.
- ii. Oleh yang demikian, KKR perlu memastikan LLM melaksanakan setiap program yang berkaitan lebuh raya dilakukan dengan berkesan.

STRATEGI	PERNYATAAN
3.3	Memantau pelaksanaan program LLM untuk menjadikan lebuh raya di Malaysia yang terbaik dunia.

### c. PERKHIDMATAN PROFESIONAL DAN SEPARUH PROFESIONAL

- i. Sektor perkhidmatan merupakan antara sektor terpenting di dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi memastikan agensi-agensi KKR memainkan peranan yang relevan di dalam sektor ini, KKR telah menetapkan 3 strategi berikut untuk dilaksanakan iaitu:

STRATEGI	PERNYATAAN
3.4	<b>Membantu PSDC berupaya mengeksport</b> atau mendapat pekerjaan golongan profesional di peringkat global.
3.5	<b>Memantau program CIDB mewujudkan tenaga mahir</b> di bidang kemahiran industri pembinaan
3.6	<b>Memantau dan meningkatkan keupayaan Lembaga Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan</b> di dalam meningkatkan pengurusan profesional.

## 6. PELAKSANAAN PSO

### 6.1. TEMPOH PELAKSANAAN PSO KKR

- a. Strategi-strategi yang telah ditetapkan di dalam PSO ini telah dirangka untuk dicapai dalam **tempoh 3 tahun** agar strategi yang dikenal pasti **selari dengan sasaran Fasa II RMK9, RRJP3**. Selain daripada itu juga, sasaran Misi Nasional juga telah dijadikan panduan sepanjang tempoh 3 tahun pelaksanaannya.
- b. Menjelang akhir tahun 2010, KKR akan menjadi sebuah organisasi yang terunggul di dalam pembangunan jalan raya, penyenggaraan jalan Persekutuan dan agensi-agensinya pula akan menjadi agensi peneraju yang terulung di dalam bidang kepakaran masing-masing.
- c. Kekuatan strategi teras akan disokong oleh strategi korporat supaya setiap kekuatan dapat digembleng ke arah pencapaian PSO ini.
- d. Bagi memastikan Bahagian-bahagian di dalam KKR memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 3 tahun ini, strategi-strategi di dalam PSO ini akan dipantau, dinilai dan satu kajian akan dilakukan berdasarkan tempoh masa seperti Rajah di bawah:

TAHUN						
2007	JANUARI 2008	JANUARI 2009	JULAI 2009	JANUARI 2010	JULAI 2010	JANUARI 2011
<b>PENILAIAN SEMULA PSO 2004 - 2008</b>	<b>FASA PERANCANGAN</b>	<b>PENILAIAN PENCAPAIAN 2008</b>	<b>PENILAIAN SEPARUH TAHUN 2009</b>	<b>PENILAIAN PENCAPAIAN 2009</b>	<b>PENILAIAN SEPARUH TAHUN 2010</b>	<b>PENILAIAN PENCAPAIAN PSO 2008 - 2010</b>
Penilaian dan kajian impak dilakukan <sup>7</sup> .	Menilai semula visi dan misi KKR supaya pelan tindakan yang bersesuaian dapat dilaksanakan	Laporan status pencapaian 2008 dilaporkan kepada pengurusan atasan	Strategi yang telah dirancang akan dinilai semula pencapaian dan status semasa agar sasaran dapat dicapai	Laporan status pencapaian 2009 dilaporkan kepada pengurusan atasan	Strategi yang telah dirancang akan dinilai semula pencapaian dan status semasa agar sasaran dapat dicapai	Pencapaian dikaji untuk perancangan yang seterusnya.

**Rajah 9 : Perancangan Pelaksanaan PSO KKR 2008 - 2010**

<sup>7</sup> PSO ini telah dikaji semula pada 15 Ogos 2007. Laporan Kajian Impak telah di dokumenkan pada April 2008. Setelah penilaian dilakukan, sasaran-sasaran yang terkandung di dalam PSO ini telah dirombak semula supaya PSO baru ini lebih jelas dan fokus terhadap tugas-tugas teras KKR seperti mana yang telah dihuraikan di dalam BAB 2.

## 6.2. JAWATANKUASA PELAKSANA

- a. Satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Tindakan PSO KKR ditubuhkan bagi memastikan keberkesanan perancangan ini. Keahlian jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

JAWATAN	KEAHLIAN
<b>Pengerusi</b>	Ketua Setiausaha
<b>Setiausaha</b>	Setiausaha Bahagian <b>Bahagian Perancangan Dasar &amp; Pengurusan Korporat</b>
<b>Ahli-ahli Tetap</b>	Timbalan Ketua Setiausaha (O)
	Timbalan Ketua Setiausaha (P)
	Semua Ketua Bahagian
<b>Ahli-ahli Jemputan</b>	Wakil JKR
	Wakil LLM
	Wakil CIDB
	Wakil PSDC
	Wakil LJM
	Wakil LAM
	Wakil LJBM

Rajah 10 : Keahlian Jawatankuasa Induk Tindakan PSO KKR

- b. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarar utama di dalam perancangan, penilaian dan kajian semula PSO KKR berdasarkan tempoh perancangan yang ditetapkan seperti di **Rajah 9**.

## 6.3. PELAN TINDAKAN

- a. Pelan Tindakan yang bersesuaian disediakan oleh semua Bahagian yang terlibat bagi melaksanakan strategi yang disyorkan oleh PSO ini. Pelan Tindakan ini mengandungi unsur-unsur berikut:

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator Sasaran	Agensi Pelaksana	Tahun Sasaran		
				2008	2009	2010
Sasaran Strategi	Program/ Projek yang dirancang  Tindakan yang perlu diambil	KPI	Bahagian yang terlibat	Tarikh/ bulan	Tarikh/ bulan	Tarikh/ bulan

Rajah 11 : Jadual Pelan Tindakan PSO

- b. Pelan Tindakan terperinci disediakan di dalam **Jilid II PSO KKR**.

## 7. CABARAN DI FASA II RMK9

### 7.1. Cabaran Utama

Fasa II RMK9 merupakan fasa penentu kepada kejayaan RRJP3 dan kejayaan Fasa Pertama Misi Nasional. Untuk mengekalkan keyakinan *stakeholders*, pelanggan dan masyarakat terhadap kredibiliti dan kekompetenan KKR serta semua Agensi di bawahnya, KKR perlu memastikan empat aspek di bawah ini diterapkan di dalam merealisasikan perancangan KKR terutamanya di dalam keadaan ekonomi dan politik negara pada hari ini.


- a. Sistem Pelaksanaan yang berkesan;
- b. Budaya Boleh di kalangan warga Kerja Raya;
- c. Budaya kerja kelas pertama; dan
- d. Pelaksanaan Pembinaan Bertaraf Dunia

### 7.2. Sistem Pelaksanaan Yang Berkesan

- a. Pemodenan pentadbiran awam yang pesat bagi mengukuhkan lagi badan-badan dan institusi kerajaan yang dijalankan dari masa ke semasa memerlukan setiap **penjawat awam untuk mengambil tindakan pantas** agar usaha yang dilakukan selari dengan hasrat dan tujuan Kerajaan.
- b. Usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan perkhidmatan di KKR untuk meningkatkan tahap kepercayaan orang ramai terhadap prestasi Kerajaan. Orang ramai kini lebih peka dan begitu lantang dalam memberikan pandangan dan cadangan terhadap sebarang kepincangan dalam pentadbiran Kerajaan dan KKR amnya.
- c. Badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak media kini memainkan peranan utama dalam mencerminkan imej dan kewibawaan sesebuah organisasi. Cabaran yang harus dipikul oleh warga Kerja Raya bolehlah dirumuskan seperti berikut:
  - i. Pembangunan modal insan yang bersepadu dan terancang;
  - ii. Mempertingkatkan sistem pengurusan kualiti agar ianya dapat dijalankan dengan terancang dan berkualiti tinggi; dan
